

~~~SAYEMBARA “MENELUSURI WARISAN UNGKU AZIZ” Bertemakan “Mengenang Ungku Aziz: Monumen Minda, Warisan Bangsa (FAQ)~~~

1. Apakah yang dimaksudkan dengan SAYEMBARA “MENELUSURI WARISAN UNGKU AZIZ” ini?

Sayembara bermaksud pertandingan yang dianjurkan oleh Pusat Pengajian Pembangunan Ungku Aziz (UAC), Universiti Malaya. Terdapat dua kategori yang akan dipertandingkan:

- Deklamasi Sajak
- Poster Digital

2. Bilakah tarikh penyertaan?

Tarikh penyertaan dibuka dari **10 Jun 2025 (Selasa) hingga 21 Julai 2025 (Isnin)**.

3. Siapakah yang boleh menyertainya?

Terbuka kepada semua individu mengikut terma & syarat yang ditetapkan, serta mampu memberi komitmen untuk hadir ke Majlis Penyampaian Hadiah yang akan diadakan di Universiti Malaya.

4. Adakah ada tema rasmi yang perlu diikuti?

Ya, tema bagi sayembara ini adalah "Mengenang Ungku Aziz: Monumen Minda, Warisan Bangsa."

Kandungan karya hendaklah mencerminkan pemikiran dan sumbangan Profesor Diraja Ungku Abdul Aziz, khususnya dalam bidang pendidikan, pembangunan sosial, koperasi dan masyarakat di Malaysia.

5. Bagaimanakah untuk mendaftarkan penyertaan?

Peserta yang berminat boleh mendaftarkan penyertaan anda pada pautan ini :[\[https://bit.ly/4kyE0ta\]](https://bit.ly/4kyE0ta)

6. Apakah penggunaan bahasa yang dibenarkan ?

Hanya Bahasa Melayu sahaja yang dibenarkan.

7. Bagaimanakah cara menghantar karya?

✓ Deklamasi Sajak:

- Peserta perlu menghantar rakaman video mendeklamasi sajak (format MP4 atau setara) dengan durasi bawah 10 minit.
- Sertakan juga teks sajak yang akan dibacakan dalam format PDF.
- Klik pautan ini ([\[https://bit.ly/4kyE0ta\]](https://bit.ly/4kyE0ta)) untuk merujuk Terma & Syarat Pertandingan yang lengkap.

✓ Poster Digital:

- Peserta perlu menghantar fail poster digital (format JPEG/PNG/PDF, resolusi minimum yang telah dinyatakan dalam syarat pertandingan). Boleh rujuk di sini [\[https://bit.ly/4kyE0ta\]](https://bit.ly/4kyE0ta)
- Semua karya perlu dihantar secara atas talian (online) dengan mengisi Borang Penghantaran Karya yang akan dihantar melalui emel masing-masing yang telah diberi semasa mengisi borang penyertaan.
- Klik pautan ini ([\[https://bit.ly/4kyE0ta\]](https://bit.ly/4kyE0ta)) untuk merujuk Terma & Syarat Pertandingan yang lengkap.

8. Sajak dibenarkan berapa panjang atau bait?

Bait atau panjang sajak adalah terpulang kepada kreativiti peserta. Yang penting, durasi video rakaman tidak melebihi 10 minit. Sekiranya ingin menghantar video berdurasi pendek antara 2 hingga 5 minit, ia juga dibenarkan.

9. Dalam video rakaman sajak, perlu ke paparkan muka sendiri?

Ya, perlu. Wajah penyajak perlu kelihatan dalam rakaman kerana aspek penghayatan penyajak adalah salah satu elemen yang dinilai dalam pemarkahan.

10. Saya karang sajak. Boleh tak orang lain yang baca sajak tu? Sebab suara saya nada tenggelam-timbul.

Ya, dibenarkan. Sekiranya Tuan/Puan menghadapi kekangan dari segi suara (contohnya kurang jelas atau nada tenggelam-timbul), Tuan/Puan boleh mendapatkan bantuan individu lain untuk menyampaikan sajak tersebut. Dalam kes ini, penyertaan akan dianggap sebagai **penyertaan berpasukan (duo)**.

Video rakaman yang dihantar mestilah **jelas, memenuhi syarat pertandingan**, dan dihantar **sebelum tarikh tutup penyertaan**. Penilaian akan turut mengambil kira aspek **kreativiti**, termasuk penggunaan **pakaian atau kostum** yang bersesuaian dengan tema sajak.

Mohon **memaklumkan kepada pihak penganjur** sekiranya penyertaan dibuat secara duo, bagi tujuan pengeluaran sijil penyertaan kepada **kedua-dua individu** yang terlibat.

11. Boleh ke saya bersajak sambil tengok telefon atau kertas (rujuk skrip)?

Boleh. Pertandingan sajak ni adalah melalui rakaman video dan peserta perlu menghantar rakaman tersebut kepada pihak penganjur (UAC) sebelum tarikh tutup penyertaan.

12. Adakah karya mesti asli?

Ya, semua karya mestilah hasil ciptaan asli peserta, belum pernah diterbitkan atau memenangi sebarang pertandingan lain.

13. Adakah yuran penyertaan dikenakan?

Tiada yuran penyertaan dikenakan (percuma).

14. Bolehkan saya menghantar lebih daripada satu karya?

Tertakluk kepada syarat pertandingan. Sila rujuk garis panduan rasmi yang akan diedarkan.

15. Bagaimana karya akan dinilai?

Karya akan dinilai oleh panel juri bertauliah berdasarkan kriteria seperti Penghayatan tema dan mesej, Kreativiti dan gaya penyampaian dan Penggunaan bahasa dan diksi (**untuk deklamasi sajak**), manakala bagi kategori (**poster digital**) adalah; Kepatuhan kepada tema, Kejelasan mesej dan impak sosial, dan Kreativiti rekaan dan mesej visual. Keputusan juri adalah muktamad.

16. Bila dan bagaimana pemenang akan diumumkan?

Pemenang akan diumumkan pada hari Majlis Penyampaian Hadiah iaitu **31 Julai 2025** bertempat di Universiti Malaya. (tempat akan dimaklumkan). Justeru itu, tuan/puan adalah dijemput hadir ke majlis tersebut.

17. Adakah saya wajib hadir ke majlis penyampaian hadiah?

Kehadiran amat digalakkan untuk penerimaan hadiah secara rasmi namun, jika peserta tidak dapat hadir;bolehlah menghantar wakil untuk penerimaan hadiah dan sijil penyertaan.

18. Adakah penginapan atau pengangkutan disediakan bagi peserta yang berada di luar kawasan Kuala Lumpur?

Penginapan atau pengangkutan tidak disediakan oleh penganjur. Peserta perlu menguruskan perjalanan sendiri.

19. Adakah terdapat platform lain untuk menyampaikan maklumat pertandingan kepada semua peserta secara serentak?

Ya, ada. Pihak penganjur akan memasukkan anda ke dalam **Group Chat WhatsApp** yang akan ditubuhkan berdasarkan nombor telefon yang telah didaftarkan. Group ini hanyalah sementara dan akan dibubarkan selepas semuanya selesai.

20. Siapakah yang boleh saya hubungi untuk pertanyaan lanjut?

Boleh hubungi kami melalui:

✉ Emel: uacds@um.edu.my

☎ Telefon: [03-7967 3766 / 3735 / 3767]

📱 WhatsApp: [010-968 4947]